

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: MEMBENTANGKAN USUL UCAPAN TAHNIAH DAN IKRAR TAAT SETIA
KEPADA DULI YANG MAHA MULIA SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

TEMPAT: DEWAN RAKYAT

TARIKH: 16 NOV 1984

MASA:

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mohon mengemukakan usul seperti berikut:-
"Bahawa satu ucapan setinggi-tinggi tahniah dan lafaz
ikrar taat setia Dewan ini dipersembahkan kepada Duli
Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Al-Mutawakkil
Alallah Sultan Iskandar atas pemilihan Baginda
menyandang jawatan Yang Di-Pertuan Agong Malaysia".

Tuan Yang di-Pertua,

Semalam, 15 November, seluruh rakyat telah merayakan
dengan penuh kegembiraan Pertabalan Duli Yang Maha Mulia
Seri Paduka Baginda Al-Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar
sebagai Yang Di-Pertuan Agong yang Ke-lapan. Istiadat
Pertabalan itu ialah satu amalan tradisi yang merupakan
kemuncak kepada proses pemilihan seorang Raja
Berperlembagaan.

2. Dengan izin Allah Subhanahu Wataala, Duli Yang Maha
Mulia Seri Paduka Baginda Al-Mutawakkil Alallah Sultan
Iskandar telah dipilih oleh Duli-Duli Yang Maha Mulia
Raja-Raja untuk menaiki takhta Kerajaan sebagai Raja
Memerintah bagi seluruh Malaysia selama tempuh lima tahun.
Saya yakin Kerajaan dan rakyat akan mendapat manfaat yang
bertambah daripada pemerintahan seorang Raja yang
berpengetahuan dan berpengalaman serta yang sentiasa memberi
perhatian yang bersungguh-sungguh terhadap kesejahteraan
rakyat dan kemajuan negara.

3. Sesungguhnya pertabalan Seri Paduka Baginda merupakan
satu peristiwa bersejarah dalam sistem Demokrasi Berparlimen
dan Raja Berperlembagaan yang kita amalkan. Seri Paduka
Baginda merupakan teras pemerintahan beraja dan mercu dalam
sistem Parlimen di negara ini. Seri Paduka Baginda juga
menjadi lambang perpaduan dan tumpuan taat setia seluruh
rakyat.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Kita sedang berusaha bersungguh-sungguh ke arah
menjadikan negara kita lebih aman, makmur, bersatupadu dan
bermaruah. Oleh yang demikian, kita tidak patut lalai
terhadap ancaman daripada golongan-golongan dan
anasir-anasir yang sengaja hendak menggugat azam dan tekad

serta usaha kita untuk mencapai matlamat ini. Dalam menghadapi cabaran-cabaran sedemikian, negara memerlukan taat setia yang tidak berbelah-bahagi daripada rakyat. Ini menjadi lebih rumit oleh kerana dalam masyarakat kita yang berbilang kaum dan yang mengamalkan sistem demokrasi terdapat golongan-golongan yang sengaja menggunakan isu-isu politik, agama dan perkauman untuk kepentingan sendiri. Oleh yang demikian, adalah mustahak bagi semua pihak mengutamakan kepentingan negara dan mengukuhkan perpaduan antara satu sama lain.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Mengambil sempena peristiwa yang bersejarah ini, bagi pihak Dewan yang mulia ini, saya dengan perasaan sepenuh ikhlas mempersembahkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Al-Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar atas pemilihan Baginda sebagai Yang Di-Pertuan Agong yang Ke-lapan. Saya dan Ahli-ahli Yang Berhormat berikrar akan menumpukan taat setia kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong. Semoga Allah Subhanahu Wataala akan memakbul dan memberkati doa kita supaya Malaysia akan bertambah aman, makmur dan bersatupadu dalam tempuh pemerintahan Seri Paduka Baginda. Saya juga berdoa semoga Allah Subhanahu Wataala melimpahkan taufik dan hidayahNya kepada Seri Paduka Baginda dan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, selamat sejahtera bersemayam di atas takhta Kerajaan Malaysia dengan penuh daulat dan kebesaran.

Tuan Yang di-Pertua,
Saya memohon mencadangkan.